

Headline	<b>Kosmo! Varsiti Futsal bentuk pelajar cemerlang</b>		
Date	<b>31. Aug 2008</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Mingguan Malaysia</b>	Page No	<b>17</b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Article Size	<b>237 cm2</b>
Circulation	<b>483240</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>1810000</b>	Color	<b>Full Color</b>
		AdValue	<b>4970.61</b>



## Kosmo! Varsiti Futsal bentuk pelajar cemerlang

SERDANG 30 Ogos - Penganjuran kejohanan *Kosmo! Varsiti Futsal 2008* bertepatan dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi untuk membentuk lebih ramai pelajar universiti yang cemerlang dalam semua bidang.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Khaled Nordin berkata, kejohanan itu dapat menggilap bakat-bakat baru serta memupuk semangat kesukanan di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta.

"Langkah Kumpulan Utusan wajar dicontohi kerana terus menyokong perkembangan sukan dan pengisian aktiviti di kalangan pelajar IPT," katanya ketika berucap menutup dan seterusnya menyampaikan hadiah kejohanan berkenaan di Kompleks Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin; Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah; Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan, Mohd. Nasir Ali; Pemangku Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Aziz Ishak; dan Pengarang *Kosmo!*, Badrul Azhar Rahman.

Sementara itu, Mohamed Hashim berkata, kejohanan futsal itu dianjurkan bertujuan mendedahkan akhbar *Kosmo!* yang genap empat tahun hari ini dengan golongan pelajar yang merupakan aset penting masa depan negara.

Kejohanan yang bermula pada 2 Julai lalu itu



**KHALED Nordin** menyampaikan piala pusingan kepada pengurus pasukan Politeknik Kota Bharu, Mohd. Arif Abdul Aziz (kanan) dan kapten pasukan, Mohd. Raimi Kamil sambil diperhatikan oleh Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin (kiri) pada penutup kejohanan *Kosmo! Varsiti Futsal 2008*, semalam.

melibatkan penyertaan lebih 500 pasukan daripada pelbagai kategori.

Khaled turut menyaksikan pasukan Politeknik Kota Bharu menewaskan pasukan Politeknik

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada perlawanan akhir kategori lelaki bawah 23 dan membawa pulang RM15,000 berserta piala pusingan.